

08/02/1999

Lebuh raya: Pahang, Terengganu mahu temui PM

KUALA TERENGGANU, Ahad - Kerajaan Negeri Terengganu dan Kerajaan Negeri Pahang akan berjumpa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk memastikan projek Lebuhraya Pantai Timur mendapat perhatian wajar.

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata pertemuan itu akan dibuat sebaik Perdana Menteri pulang dari luar negara awal minggu ini.

Bercakap kepada pemberita di sini Wan Mokhtar berkata, beliau sudah mendapat persetujuan Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob, untuk mengadakan pertemuan berkenaan.

Kedua-dua kerajaan negeri berkenaan katanya, akan memberi penjelasan sebaik mungkin untuk membolehkan projek penting itu dapat dipertimbangkan semula oleh Perdana Menteri.

Katanya, lebuh raya sepanjang 230 kilometer dengan kos dianggar sekitar RM4 bilion terlalu penting kepada Pahang dan Terengganu berasaskan kepada perkembangan ekonomi yang kini sedang pesat terutama dalam bidang petroleum dan gas.

"Projek berkenaan juga sudah diluluskan dan sudah ditandatangani oleh kerajaan pusat dan pihak kontraktor utama sebelum ini, manakala laluannya juga sudah dikenalpasti serta sudah diukur.

"Adalah wajar projek berkenaan diteruskan kerana pembinaannya banyak memberi manfaat kepada pembangunan negeri Pantai Timur sendiri yang sebelum ini banyak ketinggalan berbanding negeri di Pantai Barat Semenanjung," katanya.

(END)